




Ulang Tahun UMNO Ke-60

ISTANA BESAR JOHOR BAHRU - 11 MEI 2006

Pembentukan Rang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu



Oleh ROHANI IBRAHIM

PADA 3 Julai 1946 iaitu tiga bulan selepas penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), kerajaan British menyatakan persetujuan untuk menubuhkan sebuah pemerintahan berbentuk persekutuan sebagaimana dibincangkan oleh UMNO dan raja-raja Melayu.

Persetujuan itu dinyatakan oleh pihak British tanpa ketiga-tiga wakil yang dilantik oleh UMNO berjumpa mereka.

Ekoran persetujuan yang dinyatakan pada 24 Julai 1946, UMNO dan raja-raja Melayu menyediakan rang perlembagaan secara kasar sebagaimana dipersetujui oleh UMNO dan raja-raja Melayu.

Rang perlembagaan itu diserahkan kepada Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent dalam satu persidangan di antara Raja-raja Melayu dengan beliau di King's House pada 24 dan 25 Julai pada tahun 1946.

Turut hadir dalam perjumpaan itu ialah Gabenor Jeneral British bagi Asia Tenggara, Malcolm Mac Donald.

Dengan persetujuan raja-raja Melayu, Gent dan UMNO, sebuah jawatankuasa dilantik bagi menyemak cadangan-cadangan yang dikemukakan raja-raja Melayu dan UMNO.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada:

Pihak kerajaan

1. A.T.Newbould (Ketua Setiausaha)
2. Dr. Linehan
3. A. Williams

Pihak raja-raja Melayu

4. Raja Kecil Tengah Perak, Raja Kamarulzaman Raja Mansor
5. Orang Kaya Menteri Selangor, Datuk Hamzah Abdullah
6. Setiausaha Kerajaan Kedah, Mohamad Sharif Othman
7. Datuk Seri Setia Raja Kelantan, Datuk Nik Ahmad Kamil Mahmud

Pihak UMNO

8. Datuk Onn Jaafar
9. Datuk Abdul Rahman Mohamad Yasin (Setiausaha)
10. D.C.Watherston

Tugas-tugas jawatankuasa

a. Bahawa hendaklah diadakan sebuah Kerajaan Pusat supaya menentukan pentadbiran yang mempunyai kekuatan ekonomi dan yang berkesan di atas segala perkara yang mustahak bagi kebajikan dan kemajuan negeri ini amnya.

b. Bahawa kedudukan persendirian tiap-tiap sebuah negeri Melayu itu dan Settlements (negeri-negeri Selat) hendaklah dibuktikan dengan terang dan dikekalkan.

c. Bahawa perjanjian-perjanjian baharu, dengan pandangan yang jauh hendaklah mengadakan cara-cara dan langkah-langkah kemajuan ke arah berkerajaan sendiri.

d. Bahawa dengan pandangan bagi membina penubuhan-penubuhan yang mempunyai asas-asas yang akan menjadi mustahak asasnya asas (c) itu berjalan, suatu kerakyatan hendaklah diadakan bagi membolehkan hak-hak politik diberikan kepada orang yang memandang Malaya ini sebagai negerinya yang sebenar dan tempat tumpuan taat setia mereka.

e. Bahawa, oleh kerana negeri-negeri ini ialah negeri-negeri Melayu raja-raja Melayu

adalah rakyat raja-raja Melayu itu tiada mempunyai lain pihak yang ditumpahkan taat setia kepadanya dan tiada lain negeri yang boleh mereka pandang sebagai negerinya dan adalah mereka mempunyai suatu kedudukan khas dan mempunyai hak-hak yang mesti dipelihara.

Setelah ahli-ahli jawatankuasa menyemak cadangan-cadangan yang dikemukakan jawatankuasa tersebut mengadakan rundingan terakhir pada 11 November 1946.

Seminggu selepas itu iaitu pada 18 November 1946 satu penyata disediakan dan ditandatangani.

Jawatankuasa berkenaan juga mencadangkan Baginda King membatalkan Malayan Union dan menggantinya dengan Persekutuan dengan mengadakan Perjanjian-Perjanjian Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian-Perjanjian Negeri Melayu.

Dalam siri rundingan yang diadakan jawatankuasa tersebut turut membincangkan nama yang sesuai bagi Persekutuan Negeri-negeri Melayu dan Settlement.

Tiga nama yang dicadangkan dan dibincangkan ialah:

1) Malayan Federal Union - nama ini ditolak oleh pihak Melayu kerana nama ini tidak menegaskan kedaulatan tiap-tiap negeri Melayu. Apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu "Federal Union" membawa erti yang berlainan. Selain itu perkataan "union" sangat dibenci oleh orang-orang Melayu.

2) Malayan Federation - nama ini turut ditolak oleh pihak yang mewakili orang Melayu kerana perkataan "Malayan" membawa makna orang yang mempunyai kaitan dengan Malaya tetapi tidak berkaitan dengan orang-orang Melayu. Orang Melayu juga tidak bersetuju dipanggil Malayan. Tambahan pula perkataan Malayan Federation agak sukar diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

3) Federation of Malaya - nama ini jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu membawa maksud 'Persekutuan Tanah Melayu'. Pihak Melayu memilih nama ini dan jawatankuasa turut menerima nama ini dan mencadangkan penggunaannya.

Cadangan-cadangan jawatankuasa

Jawatankuasa berkenaan mencadangkan supaya Persekutuan yang bakal dibina adalah berdasarkan perjanjian, hubungan baik dan perkongsian di antara settlement British dengan negeri-negeri Melayu.

Perjanjian itu juga mensyaratkan kuasa yang diperuntukkan untuk Baginda King dan raja-raja Melayu boleh menerima jajahanjajahan lain ke dalam Persekutuan ini dengan perjanjian-perjanjian negeri yang disebutkan kelak.

Ringkasan cadangan jawatankuasa berkenaan ialah:

a) Hendaklah ditubuhkan sebuah Persekutuan yang akan dinamakan Federation of Malaya yang mengandungi sembilan buah negeri Melayu iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu serta dua settlement iaitu Melaka dan Pulau Pinang.

b) Persekutuan ini hendaklah ditubuhkan oleh satu perjanjian persekutuan yang melibatkan seorang wakil baginda King dan raja-raja Melayu setelah sempurna diadakan perjanjian-perjanjian negeri yang disebutkan kelak.

c) Bahawa Baginda King mengekalkan kepada Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu kedaulatan dalam negeri ma-

king-masing dan baginda King hendaklah membatalkan perintah Malayan Union dalam Council 1946.

d) Bahawa perjanjian-perjanjian Negeri dan perjanjian Persekutuan hendaklah memberi kuasa mengekalkan kuasa Baginda King bagi menyelenggarakan segala perkara yang berhubungan dengan pertahanan dan perkara-perkara luar bagi negeri-negeri Melayu dan mengekalkan dengan tidak terjejas kuasa penasihat raja-raja Melayu di atas segala perkara kerajaan yang lain daripada perkara-perkara yang berkenaan dengan agama Islam dan adat-istiadat Melayu.

e) Bahawa Perjanjian Persekutuan itu hendaklah memberi kuasa untuk mengadakan:

1. Seorang Pesuruhjaya Tinggi yang akan dilantik oleh Baginda King

2. Sebuah Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan (Federal Executive Council)

3. Sebuah Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan (Federal Legislative Council) yang mengandungi Pesuruhjaya Tinggi sebagai Presiden dan 48 orang ahli dengan mempunyai perwakilan yang kuat dari negeri-negeri dan Settlement dan ahli-ahli tidak rasmi dengan lebih bilangannya.

4. Sebuah Majlis Mesyuarat Kerja Negeri (State Executive Council) bagi tiap-tiap negeri dan sebuah Majlis Mesyuarat Negeri yang mempunyai kuasa membuat undang-undang dan kuasa-kuasa mentadbir kerajaan.

5. Sebuah Majlis Mesyuarat Settlement di dalam tiap-tiap Settlement dengan mempunyai kuasa membuat undang-undang dan kuasa-kuasa mentadbir kerajaan.

6. Sebuah Majlis Raja-Raja Melayu (Conference of Rulers) bagi berunding di antara satu sama lain dan dengan Pesuruhjaya Tinggi di atas perkara-perkara negeri dan yang berkenaan Federal.

7. Sebuah Mahkamah Tinggi Persekutuan dan Mahkamah-mahkamah rendah

8. Kerakyatan Persekutuan (Federal Citizenship). Jawatankuasa itu mencadangkan juga raja-raja Melayu mengadakan 'Perlembagaan Negeri (State Constitution) bagi negeri masing-masing dan Perlembagaan-perlembagaan Negeri itu hendaklah bersetuju dengan Perjanjian Persekutuan dan meliputi di atas segala perkara yang tiada disentuh oleh Perjanjian Persekutuan ini dan hendaklah mengikut kehendak keadaan negeri masing-masing.

Majlis Agung UMNO ketiga di Pulau Pinang

Majlis berkenaan berlangsung selama dua hari di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang pada 27 dan 28 Julai 1946.

Sejumlah 24 pertubuhan hadir pada majlis tersebut yang dirasmikan oleh Sultan Kedah, Sultan Badli Shah sementara Tahir Setia Raja menjadi pengerusi.

Majlis tersebut juga menyaksikan istiadat mengibarkan bendera UMNO buat pertama kalinya di Pulau Pinang di mana wakil dan pegawai UMNO berkumpul dan doa selamat kepada bendera UMNO dibacakan.

Menjelang tahun 1947, pejabat Setiausaha Agung UMNO dibuka di No. 21, Hale Street, Ipoh, Perak yang menempatkan empat orang kerani dan dua orang peon.

Majlis Agung UMNO keempat di kedah

Pada 10, 11 dan 12 Januari 1947 Persidangan Majlis Agung UMNO Keempat diadakan di Balai Besar, Alor Star, Kedah pada acara itu, majlis setuju untuk mewujudkan lagu UMNO.

Majlis berkenaan juga membincangkan Rang Perlembagaan Persekutuan Negeri-negeri Melayu dan Rang Contoh Perjanjian Negeri yang disusun oleh jawatankuasa yang bertanggungjawab.

Majlis Agung UMNO kelima negeri sembilan

Persidangan Majlis Agung UMNO Kelima diadakan di Seremban Club, Negeri Sembilan pada 1 dan 2 Mac 1947.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman Tuanku Mohamad.

Persidangan majlis agung UMNO yang kelima juga menyaksikan beberapa jabatan baru ditubuhkan dan ketua-ketua jabatan tersebut turut dilantik.

Jabatan-jabatan berkenaan ialah Jabatan Tanam-tanaman yang diketuai oleh Tengku Yaakub, Kedah; Jabatan Ternakan yang diketuai oleh Tengku Abu Bakar, Johor; Jabatan Buruh dengan ketuanya Pateh Akhir, Selangor.

Jabatan Pemuda pula diketuai oleh Kapten Hussain Onn, Johor manakala Jabatan Kebajikan Am, diketuai Mohamad Saleh.

Persidangan berkenaan turut menetapkan bahawa setiap seorang wakil yang menghadiri persidangan majlis agung hendaklah memakai pakaian Melayu.

Keputusan lain yang dibuat dalam persidangan berkenaan ialah:

1) Bersetuju supaya UMNO mengeluarkan derma pelajaran sejumlah RM1,608 setahun untuk lapan penuntut Melayu yang menuntut di Kolej Melayu, Kuala Kangsar.

2) Bersetuju supaya UMNO mengadakan Kumpulan Wang Khas untuk melunaskan perkhidmatannya kepada orang ramai dengan menjual unit-unit yang berharga RM120 tiap-tiap satu unit. Bayarannya boleh dibuat sekali atau secara ansuran.

Majlis Agung UMNO yang ketujuh

Persidangan Majlis Agung UMNO yang ketujuh diadakan di Johor Bahru selama tiga hari pada 2, 3 dan 4 September 1947 dan dibuka oleh Tengku Mahkota Johor, Tengku Ismail Sultan Ibrahim.

Dalam persidangan tersebut Onn mengingatkan ahli UMNO:

"Sungguhpun tugas menentang Malayan Union sudah berjaya tetapi hendaklah tiap-tiap orang Melayu ingat pekerjaan itu baru dimulakan sedikit sahaja, ada banyak lagi pekerjaan yang berat yang mesti diambil tahu, mesti disusun dan diselesaikan. Hendaklah diadakan perhubungan yang rapat di antara pihak yang mewakili UMNO dengan pihak yang memerintah. UMNO bukanlah ditubuhkan semata-mata untuk melawan Malayan Union bahkan melawan diri orang-orang Melayu sendiri, supaya berkhidmat, mengubah perangainya, kehidupannya dan supaya segala tanggungan dan pikul masing-masing. Biar mati anak jangan mati adat."

Sebuah jawatankuasa dilantik untuk menyelidik dan menghalusi Rang Peraturan dan tambahan Peraturan Derma Pelajaran Kebangsaan Melayu.

Memandangkan cukai pendapatan ialah satu jalan bagi kerajaan mendapatkan hasil dan memulihkan balik keadaan negeri persidangan berkenaan turut bersetuju mengenai perkara cukai pendapatan pada dasarnya.

ACARA SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN UMNO KE-60 DI JOHOR BAHRU

9 MEI 2006 (SELASA)

3 petang - Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor, Datuk Abdul Ghani Othman merasmikan Pameran Perjuangan Datuk Onn Jaafar di Plaza Angsana, Johor Bahru (Pameran berlangsung sehingga 14 Mei mulai jam 9 pagi hingga 10 malam)

10 MEI 2006 (RABU)

9 pagi - Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad rasmi Pameran Retretan Perjuangan Bangsa di Dewan Jubli Intan, Johor Bahru (Pameran berlangsung sehingga 14 Mei mulai 9 pagi hingga 10 malam)

6.15 petang - Bacaan Yasin, tahil dan doa kesyukuran sempena ulang tahun UMNO ke-60 di Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru.

11 MEI (KHAMIS)

9 pagi - Perhimpunan sempena Sambutan Ulangtahun UMNO ke-60 di perkarangan Istana Besar, Johor Bahru.

3 petang - Pementasan Teater '60 Tahun Perjuangan UMNO' di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Malayan Union terkubur

Persidangan Majlis Agung UMNO yang kelapan dan terakhir dalam tahun 1947 diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Disember 1947.

Majlis itu dirasmikan oleh Sultan Selangor pada masa itu iaitu Sultan Hisamuddin Alam Shah.

Onn dalam ucapannya kemudiannya mengumumkan yang majlis berkenaan merupakan persidangan terakhir bagi tahun 1947 dan Malayan Union telah dapat 'dikhuburkan'.

Bagaimanapun oleh kerana terdapat perkara yang gendala berkenaan, dengan penyediaan surat-surat dan lain-lain maka terpaksa dilanjutkan masanya sehingga 1 Februari 1948.

Peringatan seterusnya dari Onn berbunyi begini:

"Apabila berjalan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendaklah orang-orang Melayu mengkhidmatkan usahanya kepada mendirikan kerajaan oleh kerana kerajaan itulah yang akan menjadi kerajaan orang Melayu."

"Tiap-tiap wakil yang duduk dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu itu hendaklah sedar yanguduknya di situ ialah sebab kepercayaan umat Melayu bagi menjaga hak faedah kaum bangsanya."

Bagi memajukan dan menghasilkan segala tujuan kita mustahaklah kaum tua, pemuda dan kaum ibu itu bekerjasama dengan mememaskan susunan UMNO serta memberi kuasa yang lebih penuh kepada UMNO."

Petikan menarik dalam perbincangan penubuhan persekutuan dan majlis Agung UMNO

"Tetapi sekiranya Pulau Pinang dan Melayu tidak dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu yang dicadangkan itu berarti kami orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Melaka akan tinggal kekal selama-lamanya di bawah cengkaman penjajah British." Kata kata Ibrahim Mahmood wakil Melayu Pulau Pinang ketika mendesak Pulau Pinang dan Melaka dijadikan sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu.

"Sungguhpun tugas menentang Malayan Union sudah berjaya tetapi hendaklah tiap-tiap orang Melayu ingat pekerjaan itu baru dimulakan sedikit sahaja, ada banyak lagi pekerjaan yang berat yang mesti diambil tahu, mesti disusun dan diselesaikan" - kata-kata Datuk Onn Jaafar pada Majlis Agung UMNO ketujuh pada September 1947 di Johor Bahru

"Apabila berjalan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu hendaklah orang-orang Melayu mengkhidmatkan usahanya kepada mendirikan kerajaan oleh kerana kerajaan itulah yang akan menjadi kerajaan orang Melayu."

Tiap-tiap wakil yang duduk dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu itu hendaklah sedar yanguduknya di situ ialah sebab kepercayaan umat Melayu bagi menjaga hak faedah kaum bangsanya" - kata-kata Datuk Onn Jaafar pada majlis agung UMNO kelapan pada Disember 1947 di Kuala Lumpur.

UMNO genap setahun

PERSIDANGAN Majlis Agung UMNO yang keenam diadakan di Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan pada 11, 12 dan 13 Mei 1947.

Persidangan tersebut dirasmikan oleh Sultan Kelantan, Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Mohamad yang keempat.

Dalam titah perasmian, baginda berharap mesyuarat yang akan diadakan mudah-mudahan membawa kebajikan kepada sekalian umat Melayu di Semenanjung.

Persidangan tersebut melantik Tengku Mohamad Tengku Burhanuddin sebagai Pengerusi.

Yang Di Pertua UMNO dalam ucapannya menerangkan perjalanan UMNO selama setahun, yang katanya bahawa dengan sebab sokongan dan perpaduan orang-orang Melayu dapatlah dijalankan dengan jayanya.

Dalam persidangan berkenaan wakil Perikatan Melayu Perak, Raja Musa Raja Mahdi menyatakan rasa tidak setuju perikatan berkenaan mengenai kemasukan Melaka dan Pulau Pinang ke dalam Persekutuan Tanah Melayu.

Ini, kerana kemasukan dua negeri itu dilihat bukan sahaja tidak mendatangkan kebajikan kepada negeri Melayu malah ia mendatangkan kecederaan pula.

Cadangan berkenaan disokong oleh wakil daerah Sabak Bernam.

Onn kemudiannya menerangkan bahawa pada persidangan Majlis Agung UMNO di Alor Star, Kedah pada 10, 11 dan 12 Januari 1947 raja-raja Melayu telah menolak Pulau Pinang dan Melaka untuk dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu dengan alasan bahawa kedua-dua negara berkenaan ialah Tanah Jajahan Takluk British.

Wakil Pulau Pinang, Ibrahim Mahmood kemudiannya mendesak supaya Pulau Pinang dan Melaka menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu dengan berkata:

"Kita sedang berjuang menentang Malayan Union. Perjuangan kita ialah menghapuskan Malayan Union kerana hendak membebaskan orang-orang Melayu daripada menjadi rakyat takluk British akibat perjanjian Malayan Union yang ditandatangani oleh raja-raja Melayu itu."

"Orang-orang Melayu di Pulau Pinang dan Melaka adalah bersama-sama dengan saudara-saudaranya di Tanah Melayu dalam perjuangan ini dengan penuh harapan hendak melepaskan diri daripada cengkaman penjajah British."

"Tetapi sekiranya Pulau Pinang dan Melayu tidak dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu yang dicadangkan itu berarti kami orang-orang Melayu Pulau Pinang dan Melaka akan tinggal kekal selama-lamanya di bawah cengkaman penjajah British."

"UMNO ditubuhkan dengan tujuan hendak memelihara dan mempertahankan hak dan kedudukan orang-orang Melayu. Tidak ada ertinya perjuangan UMNO jika Pulau Pinang dan Melaka tidak dimasukkan ke dalam Persekutuan Tanah Melayu manakala yang demikian bererti UMNO berjuang untuk membebaskan orang-orang Melayu di negeri-negeri Melayu yang lain tetapi meninggalkan orang-orang Melayu di Pulau Pinang dan Melaka dengan begitu sahaja."

"Saya merayu kepada tuan-tuan dan puan-puan terutamanya Yang Di Pertua UMNO, Datuk Onn supaya menimbang per-

kara ini dengan sebaik-baiknya."

Onn kemudiannya memberikan jaminan bahawa seboleh-bolehnya Pulau Pinang dan Melaka akan menjadi sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu.

Asas peraturan baru UMNO

Persidangan Majlis Agung UMNO di Kota Bharu turut membincangkan beberapa perkara antaranya Peraturan Baru UMNO yang akan menjadikan ahli-ahli UMNO daripada orang-orang perseorangan yang mendaftar terus dan tidak lagi mengambil pertubuhan-pertubuhan sebagai ahli.

Onn kemudiannya mengemukakan cadangan: "Oleh sebab banyak permintaan daripada ahli-ahli supaya diadakan cawangan UMNO bagi tiap-tiap negeri, Jawatankuasa kerja bercadang supaya diadakan sebuah pertubuhan baru seperti berikut: a) Hendaklah tiap-tiap sebuah negeri yang mempunyai beberapa buah pertubuhan yang bergabung dengan UMNO merombak pertubuhan-pertubuhan itu menjadi satu tubuh."

"Maka tubuh itulah dikaitkan dengan UMNO. Maka nama-nama pertubuhan itu bolehlah dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Perak atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Pulau Pinang atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu apa-apa lain negeri."

b) Maka tiap-tiap negeri itu akan menjalankan dengan bebas di dalam negeri masing-masing.

"Pertubuhan negeri itu hendaklah mengikut dasar-dasar yang satu iaitu dasar-dasar Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu."

"Maka ahli-ahli Pertubuhan negeri itu

hendaklah dari negeri itu sahaja tidak boleh mengambil ahli-ahli luar daripada negerinya."

c) Maka wakil yang dicadangkan untuk menghadiri Majlis Mesyuarat Agung UMNO ialah: Bagi pertubuhan yang mempunyai ahlinya:

5,000 orang - seorang berjawatan - seorang yang tidak berjawatan

10,000 orang - dua orang berjawatan - seorang yang tidak berjawatan

15,000 orang - dua orang berjawatan - dua orang yang tidak berjawatan

20,000 orang - dua orang berjawatan - tiga orang yang tidak berjawatan

25,000 orang - dua orang berjawatan - empat orang yang tidak berjawatan

30,000 orang - dua orang berjawatan - lima orang yang tidak berjawatan

35,000 orang - tiga orang berjawatan - lima orang yang tidak berjawatan

40,000 orang - tiga orang berjawatan - lima orang yang tidak berjawatan

45,000 orang - tiga orang berjawatan - tujuh orang yang tidak berjawatan

lebih daripada 45,000 orang - empat orang berjawatan - tujuh orang yang tidak berjawatan

d) Mengenai undi dalam Mesyuarat Agung mahulul undi mengikut banyaknya ahli pertubuhan negeri itu iaitu umpama satu pertubuhan negeri yang mempunyai ahli sebanyak 20,000 orang yang telah menjelaskan yurannya, undinya itu dikira 20,000 jua, sebaliknya jika yuran itu hanya separuh sahaja yang dijelaskan maka undinya itu mengikut ahli-ahli yang jelas sahaja.

Yuran tahunan ditetapkan seorang ahli RM1 setahun dan hendaklah dijelaskan terlebih dulu."